

**Pemuda MCA Pahang Turun Padang Jelas Isu Semasa
Bernama
25 Januari, 2012**

BERA, 25 Jan (Bernama) -- Pemuda MCA Pahang akan turun padang selepas sekesai sambutan Tahun Baru Cina bagi memberi penerangan mengenai isu semasa dan pembangunan negara kepada pengundi terutamanya di kawasan pembangkang.

Ketuanya Wong Yoke Loong berkata penerangan itu akan bermula dalam kelompok keluarga dan kemudiannya diperluaskan kepada orang ramai.

"Melalui misi penerangan itu diharap masyarakat Cina dapat memahami dengan lebih jelas dasar-dasar kerajaan sekaligus membolehkan mereka menilai antara kaca dan intan," katanya kepada pemberita pada majlis rumah terbuka Tahun Baru Cina di Triang di sini Rabu.

Wong berkata masyarakat Cina terutamanya golongan berumur 30 tahun ke bawah masih berpihak kepada pembangkang manakala golongan berumur 35 tahun ke atas ramai yang menyokong Barisan Nasional.

"Masa belum terlambat untuk memberi penerangan dan saya yakin penerangan secara berterusan itu akhirnya masyarakat Cina yang menyokong pembangkang akan kembali kepada BN," katanya.

Beliau yakin kerusi Dewan Undangan Negeri Pahang kawasan Triang dan Teras yang dimenangi pembangkang boleh ditawan kembali jika semua komponen BN bekerja secara bersepadu pada pilihan raya ke-13 nanti.

---BERNAMA

Hakcipta © 2012 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v6/bm/newsindex.php?id=642058>